

SOALAN NO: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]

TARIKH : 9 APRIL 2014

SOALAN :

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) rasional untuk melantik YB Bintulu sebagai duta khas ke Asia Timur memandangkan negara-negara tersebut telah mempunyai duta masing-masing; dan
- (b) jumlah gaji dan elaun bagi jawatan tersebut.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantikan YB Bintulu sebagai Duta Khas ke Asia Timur merupakan hak Kerajaan Persekutuan dan dilaksanakan di atas kepakaran dan kemahiran yang dimiliki oleh YB Bintulu.

YB Bintulu tidak menerima gaji bulanan bagi jawatan tersebut namun layak membuat tuntutan elautan perjalanan bagi tugas-tugas rasmi.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

TARIKH : 9 APRIL 2014 (RABU)

SOALAN : 58

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah “*sinkhole*” yang telah menyebabkan kapal terbang seperti jenis Boeing 737 tidak dapat mendarat di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Ipoh. Adakah kajian tanah “*soil investigation*” dijalankan sebelum kerja-kerja penambakan/naik taraf Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah yang berjumlah RM42 juta dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah melantik Juru Perunding iaitu Tetuan Terrain Resources Sdn. Bhd. bagi melaksanakan kajian untuk mengatasim masalah *sink hole*. Kajian telah bermula pada 2 Januari 2014 dan akan mengambil masa empat (4) bulan untuk disiapkan. Laporan Awalan Kajian mendapat landasan masih boleh digunakan tetapi perlu had kepada kapaludara kod 3C seperti ATR-72.

Penentuan untuk membekalkan kapaludara yang lebih besar mendarat bergantung kepada laporan penuh hasil kajian yang dijangka dapat diterima pada bulan Mei 2014.

Projek Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah terbahagi kepada dua skop utama iaitu kerja-kerja jemenaik taraf bangunan terminal dan kerja-kerja pemanganjan landasan. Bagi bangunan terminal, *soil investigation* telah dilaksanakan. Manakala untuk pemanganjan landasan, kaedah *trial pit* telah dilaksanakan.